

Dua penjual apam balik mengaku salah tumbuk seorang peniaga lain

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM1,400 atau lima bulan penjara terhadap dua peniaga lelaki yang menjual apam balik kerana menumbuk seorang peniaga lain gara-gara salah faham, bulan lalu.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan menetapkan demikian terhadap Dzul Mizal Asley Shah Abdullah, 25, dan Samsul Wahed, 37, yang mengaku bersalah sebaik didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun

Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga setahun atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan, dua lelaki itu dengan niat bersama didakwa dengan sengaja mencederakan seorang peniaga lain berusia 48 tahun dengan cara menumbuk muka mangsa dalam satu kejadian sekitar jam 2.50 petang pada

26 Mac 2025, di hadapan sebuah kedai kopi di Jalan Gambier di sini.

Fakta kes mendedahkan mangsa membuat laporan polis mendakwa dia diserang dan ditumbuk oleh dua lelaki yang sedang berselisih faham di tempat kejadian.

Akibat kejadian tersebut, mangsa mengalami lebam dan sakit di belakang kepala.

Hasil siasatan polis mendedahkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang menghala ke tempat kejadian

mendapati kedua-dua tertuduh menumbuk mangsa beberapa kali menggunakan tangan.

Laporan perubatan turut mengesahkan bahawa mangsa mengalami kecederaan tisu lembut dan epistaksis traumatik akibat kejadian tersebut.

Difahamkan, berlaku salah faham antara peniaga-peniaga tersebut sehingga membawa kepada pertengkaran dan pergaduhan.

Kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.